

Kekal Progresif Dalam Transformasi Malaysia ke arah ekonomi berteraskan ilmu

MUNGKIN ramai sangsi kepada kita tetapi kita telah melakukannya. Malaysia kini telah mencapai tahap ekonomi industri.

Transformasi utama dalam infrastruktur fizikal kewangan dan sistem sosial telah mengangkat kita kepada kejayaan ke arena global dalam kehidupan dan perniagaan berasaskan maklumat.

Kita kini lebih daripada bersedia bergerak ke anjakan kedua. Dalam pada kita berpuas hati, kejayaan ini belum mencukupi bagi memastikan kita kekal berdaya saing dan kompeten kepada yang lain.

Kita patut meningkatkan kemampuan dan keupayaan untuk akses kepada pengetahuan global dan memanfaatkannya supaya lebih produktif dan progresif.

Kerajaan Malaysia tidak pernah lari daripada misi untuk berfungsi untuk merapatkan jurang antara negara maju dengan negara membangun. Kita telah meletakkan asas dan tindakan dasar pentadbiran yang properniagaan, ekonomi terbuka dan budaya yang toleran.

Kita juga telah membangunkan sumber, memperkukuh industri kita untuk menarik pelaburan asing untuk meletakkan Malaysia dalam peta ekonomi dunia yang berkembang. Hari ini, Malaysia merupakan negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia.

Secara keseluruhannya, kita telah memusatkan strategi dan berpandangan jauh yang dikemudikan oleh kepimpinan dinamik. Sejak 1990, Wawasan 2020 telah menggerakkan kita.

Malaysia sekarang berada di fasa kedua perjalanan tersebut dan fokus kita lebih kepada aplikasi. Misi Nasional untuk 15 tahun akan datang menumpukan kepada transformasi memasuki ekonomi berasaskan pengetahuan yang dicirikan oleh penyesuaian ke arah perubahan, teknologi dan inovasi.

Kerajaan telah membangunkan infrastruktur untuk membolehkan penggunaan dan pemerolehan pengetahuan untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang membolehkan kita berdaya saing dalam pasaran global. Ini kita boleh nyebutkan sebagai 'Infrastruktur Pengetahuan' merangkumi Pendidikan, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Harta Intelek, Pemindahan Teknologi, Sektor Swasta Inovatif, Kewangan dan Ekosistem. Ini merupakan kaedah kita untuk melengkapkan dan memberi semangat kepada rakyat Malaysia dengan kemahiran teknikal dalam zaman maklumat.

Hasrat kita sudah tentunya membawa pemain ICT tempatan ke era global dan mengalami pertumbuhan berterusan dalam pasaran yang menguntungkan.

Agenda Inovasi Nasional telah merancang pelbagai strategi integrasi dan pelaksanaan teknologi dan inovasi dalam kehidupan seharian, perniagaan dan pelaburan. Untuk menyesuaikan dengan pelaburan langsung asing, kerajaan memperkukuhkan semua sistem inovasi nasional yang disokong oleh modal insan ber-

UM-17/5/2007.
kualiti bagi menyediakan persekitaran antarabangsa kepada perniagaan dan perdagangan global.

Selain mewujudkan peluang perniagaan kepada industri tempatan, usaha ini akan membantu menyediakan persekitaran yang menjana kemakmuran dan kesejahteraan sosial.

Pada masa ini, kita masih kekurangan pengetahuan, profesional yang bergerak atas kemampuan teknologi untuk menjana ekonomi berasaskan pengetahuan, Peruntukan yang sesuai telah disediakan untuk strategik penting, pendidikan menjadi agenda utama.

Untuk memandu ekonomi berasaskan pengetahuan, sosial berasaskan pengetahuan amat diperlukan.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah dilancarkan dan sedikit demi sedikit melahirkan sumber manusia berkemahiran untuk memandu negara.

Daripada muda kepada belia, semua rakyat Malaysia didedahkan kepada mekanisme dan nilai ICT yang penting, bagi membolehkan mereka mengambil alih menggerakkan ekonomi. Kerjasama rentas sempadan dalam program penyelidikan dan pembangunan juga digalakkan bagi menyuburkan pertukaran idea dan kerjasama dalam bidang saintifik terkini.

Pada masa yang sama, kita akan beralih kepada keperluan perniagaan dalam negara, kerajaan komited untuk membantu dalam melahirkan, mengekalkan

dan meningkatkan kemampuan teknologi industri kecil dan sederhana (IKS). Dengan membantu mereka ke arah rangkaian pengeluaran global, kita berharap dapat mengesahkan kredibiliti produk dan perkhidmatan dan mempelbagaikan pilihan pasaran dan pada masa yang sama, menjana peluang pekerjaan.

Untuk mentransformasikan ekonomi Malaysia, kita sedar bahawa merapatkan jurang digital, adalah penting untuk menyebarkan ICT ke seluruh negara.

Kita membuat pelaburan untuk akses dalam ICT kepada yang memerlukan, dan menyediakan peluang pendidikan tinggi dalam ICT dan mengangkat martabat bangsa sebagai satu daripada kuasa ekonomi serantau.

Dengan mengambil kira kesemuanya, rakyat Malaysia sedar akan kelebihan mereka dalam bidang ICT, kita hanya perlu bergerak dan merebut peluang. Namun satu perkara yang pasti, kerajaan tidak mampu bergerak sendirian. Kita memerlukan bantuan dan sokongan anda. Rangka kerja untuk pengetahuan cemerlang akan hanya bergerak jika semua rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam inisiatif nasional ini.

Saya menyeru semua rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam menyahut perubahan ini, memperteguhkan diri kita dan bergerak bersama mencapai matlamat negara maju. Kejayaan sangat manis apabila kita berkongsi bersama.